

1983

IPOH, 24 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGUMUMKAN KERAJAAN AKAN MENGAMBIL ALIH TUGAS PEMULIHAN PARA PENAGIH DADAH DI PUSAT-PUSAT RAJATAN DADAH DI SELURUH NEGARA. DENGAN DEMIKIAN, TUGASNYA, PEMADAM TIDAK LAGI TERLIBAT TERUS DALAM KEGIATAN PEMULIHAN TETAPI AKAN DIMINTA MENUMPUNAN TENAGA KEPADA USAHA-USAHA JAGAAN LANJUT BAGI PARA PENAGIH YANG TELAH MENJALANI PEMULIHAN DI PUSAT-PUSAT DI SELURUH NEGARA.

'USAHA-USAHA PEMULIHAN BERKEHENDAKKAN WANG YANG BANYAK SERTA KAKITANGAN YANG RAMAI DAN PEMADAM TENTU DAPAT MEMAHAMI HAL INI OLEH KERANA PUSAT-PUSAT PEMULIHAN PEMADAM SEPERTI DI SUNGAI BESI TERPAKSA MENDAPAT BANTUAN KERANGAN DAN KAKITANGAN KERAJAAN,' TAMBAH BELIAU.

BERUCAP DI PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KE-6 PEMADAM KEBANGSAAN DI SINI, PERDANA MENTERI BERNYATA PENGAMBILAN ALIH OLEH AGENSI-AGENCI KERAJAAN ITU AKAN DAPAT MEMOLEHIKAN TUGAS PEMULIHAN DISELARASKAN DENGAN PUSAT-PUSAT PEMULIHAN KERAJAAN DI TEMPAT LAIN, SEPERTI DI TAMPOI, BESUT, BUKIT KERTAJAM DAN PUSAT SERENTI DI TAMPIN.

BAGAIMANAPUN, JELASHYA, KERAJAAN TIDAK BERCADANG MENGAMBIL ALIH PUSAT PEMULIHAN PEMADAM DI SUNGAI BESI SEHINGGA PADA TARIKH YANG DIFIKIRKAN SESUAI. -- LAGI 1345/II

200000
ZCZC 8340

MAHATHIR - PEMADAM 2 IPOH

PEMADAM PADA MASA INI TERLIBAT DALAM BEBERAPA KEGIATAN MEMBANTU KERAJAAN MENGHAPUS PENYALAHGUNAAN DADAH TERMASUK KEMPHEN PENERANGAN MELALUI CERAMAH, PAMERAN, PENAYANGAN FILEM, PENYEBARAN BAHAN BACAAN, KURSUS, SEMINAR SELIAAN DAN JUGA ASPEK PEMULIHAN.

KERAJAAN TELAH MEMIKIRKAN BAGAIMANA PEMADAM DAPAT MEMBERI SUMDANGAN YANG LEBIH BERKESAN LAGI SENIRANYA IA SEBAGAI BADAN SUKA-RELA DAPAT MENUNPUKAN TENAGANYA KEPADA ASPEK-ASPEK TERTENTU.

PERDANA MENTERI BERNYATA PEMADAM BOLEH MENRUSKAN PEKANANNYA DALAM ASPEK-ASPEK PENERANGAN BAGI MENGHINDARKAN PENYALAHGUNAAN ADADAH SEPERTI YANG TERDAPAT SEKARANG.

BELIAU YAKIN DENGAN PERANAN ITU, AHLI-AHLI PEMADAM SETEMPAT BERPERANAN MEMBERI PENERANGAN DAN TUNJUK AJAR TERUTAMA DI KALANGAN ANGGOTA MASYARAKAT YANG TIDAK PATUT MENCEMUK ATAU MELAKUKAN PERKARA-PERKARA YANG MENDATANGKAN TEKANAN JIWA KE ATAS PARA PENAGIH YANG DARU TAHAT MENJALAN PEMULIHAN.

'MASA YANG KRITIKAL BAGI PARA PENAGIH DADAH IALAH ENAM BULAN PERTAMA SELEPAS KELUAR DARI PUSAT PEMULIHAN, BAHKAN MEREKA AKAN BERKEHENDAKKAN SOKONGAN MORAL SETAHUN-DUA SELEPAS ITU,' KATA BELIAU.

KATANYA BAHAYA YANG TERBESAR SEKALI DI WAKTU ITU IALAH RAKAN-RAKAN MEREKA YANG LAMA YANG TELAH HEMPERKENALKAN DADAH KEPADA MEREKA DAN MASIH BELUM DIPULIH DARI JENAYAH DADAH. -- LAGI 1350/II

MAHATHIR - PEMADAM 3 IPOH

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERANAN-PERANAN SEPERTI ITU TIDAK MEMERLUKAN PEMADAM PERINGKAT KEBANGSAAN MENGUMPULKAN WANG YANG BANYAK DARI NEBBIAYAINYA.

MEMPER KATA, PERANAN INI LEBIH BERCONAK USAHA KESAJIKAN TETAPI BEJAWA AHLI-AHLI PEMADAM DAPAT MENYAMPAIKAN PENGETAHUAN DAN TUNJUKAN YANG BERTEJUSAN KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT + TANDA BELIAU.

KATAHA PERANAN JAGAAN LANJUT ITU PUN MEMERLUKAN TENAGA DAN BEDIKASI YANG TINGGI DARI AHLI-AHLI PEMADAM, HALAH LEBIH DARI PENYELENGGARAAN PUSAT-PUSAT PEMULIHAN DAN AKTIVITI LAIN YANG SEKARANG DIURUS OLEH KERAJAAN.

DIJUTERU ITU, USAHA-USAHA PEMADAM SEBAGAI BADAN SUKARELA TIDAK AKAN DIBURUANG ATAU MENJADI KURANG PENTING. SEDALINYA PERANAN ITU ADALAH PERANAN YANG TIDAK MUNGKIN DIMAINKAN OLEH KERAJAAN.

BELIAU BERKATA AHLI-AHLI PEMADAM JUGA DAPAT MEMBANTU MENCARI PEKERJAAN BAGI BEKAS-BEKAS PENAGIH TERUTAMA YANG MEMERLUKAN KEMAHIRAN DENGAN MENGHUBUNGI AGENSI-AGENSI KERAJAAN ATAU BADAN-BADAN TERTEHTU BAGI MEREKA MENJALANI LATIHAN SEPERTI DI BENGKEL-BENGKEL.

PEMADAM JUGA TELAH MENJADI SAUDARA ANGGAT KEPADA BEKAS-BEKAS PENAGIH DI BAWAH SKIM SAUDARA ANGGAT. -- LAGI 1420/MK

MAHATHIR - PEMADAM 4 IPOH

BEKAS PENAGIH DADAH MEMPUNYAI MASALAH PERIBADI YANG SUDAH TERTENTU MEMERLUKAN SESEORANG YANG PENUH SIMPATI UNTUK MELUANKAN PERASAAN DIRINYA DAN SESEORANG YANG DAPAT MEMBANTU MENGATASI MASALAH MEREKA, + KATA PERDANA MENTERI.

DI SAMPING ITU PENAGIH YANG TELAH MENJALANI KURSUS PEMULIHAN BERKEHENDAKKAN PERHATIAN DAN BANTUAN KELUARGA DAN MASYARAKAT YANG BENAR-BENAR MEMAHAMI MASALAH MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR PERCAYA AHLI-AHLI PEMADAM YANG TERDIRI DARI ANGGOTA MASYARAKAT SETEMPAT DAPAT MEMBERI PENERANGAN DAN PENGAJARAN KEPADA IBU BAPA DAN KELUARGA BEKAS PENAGIH.

BELIAU BERHARAP INI AKAN DIJADIKAN PANDUAN DALAM PROGRAM PEMADAM SEBAGAI BADAN SUKARELA PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI MERAYU FIRMA-FIRMA, YAYASAN PENGAJIAN TINGGI DAN SEKOLAH-SEKOLAH MENJADI AHLI PEMADAM MEMANDANGKAN SAMBUTAN TERUTAMA DI KALANGAN FIRMA TIDAK BEGITU MEMUASKAN.

PENYERTAAN LEBIH RAMAI ANGGOTA MASYARAKAT DAN INSTITUSI-INSTITUSI AWAM DAN SWASTA AKAN MEMBOLEHKAN PEMADAM BERGERAK DENGAN LEBIH BERKESAN LAGI. -- BERNAMA 1425/MK